

30/01/2003

Kafa tidak wajar heret pihak luar jelas hutang

Pemegang Pas Semusim

LAPORAN sukan Berita Harian bertajuk 'Kafa minta tolong menteri'
bertarikh

28 Januari 2003 oleh Rosli Ibrahim menarik perhatian saya.

Pengakuan Persatuan Bola Sepak Kelantan (Kafa) menerusi kenyataan Presidennya, Datuk Wan Hashim Wan Daud, bahawa Kafa menanggung hutang hampir RM400,000 dilihat sebagai kemuncak masalah yang melanda persatuan itu sejak kebelakangan ini.

Sebelum ini, sebagai peminat dan penyokong skuad Kelantan, saya kerap mendengar khabar bahawa pemain skuad Kijang lambat menerima gaji hingga ada yang terpaksa menyorokkan kenderaan kerana bimbang ditarik pihak bank.

Senario anak jati Kelantan berhijrah ke negeri lain payah dikesan bilangannya kerana memang ramai berbuat demikian.

Pemain negeri lain berpindah atas alasan mahu mencari pengalaman tetapi pemain Kelantan pula berpindah kerana jaminan gaji dibayar setiap bulan!

Kini timbul masalah tiga pasukan iaitu Kelantan, Kelantan TNB dan Kelantan Transnasional (SKMK) mungkin terpaksa beraksi di sebelah petang kerana masalah lampu limpah di Stadium Sultan Mohammad IV yang tidak melepasi spesifikasi Persatuan Bola Sepak Malaysia.

Sebagai penyokong setia Kelantan, perkembangan terbaru ini amat menghibakan perasaan saya.

Wan Hashim menyifatkan Kafa berada dalam keadaan kritikal hingga meminta Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein campur tangan dalam soal pembayaran.

Malah, beliau juga meminta bantuan Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara, Datuk Mustapa Mohamed, Jabatan Pembangunan Persekutuan dan syarikat swasta untuk menjelaskan hutang.

Pandangan saya, mengapa mesti diheret pihak lain? Kalau menteri tolong menyelesaikan hutang Kafa, sudah tentu negeri lain juga mahu Hishammuddin

melakukan perkara sama. Kafa yang membuat hutang beribu-ribu, Kafa jugalah perlu menyelesaikannya.

Sebagai peminat, kesimpulan saya ialah perubahan perlu dilakukan terhadap pucuk pimpinan Kafa.

Wan Hashim sudah terlalu lama menjadi Presiden Kafa dan saya yakin ramai yang boleh mengesahkan perkara ini.

Saya bukan anti-Kafa atau anti-Wan Hashim, saya cuma mahukan masa depan yang lebih bermakna buat bola sepak Kelantan.

Saya sayangkan wira-wira Kelantan. Jika pemimpin besar seperti Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sendiri ikhlas menyatakan hasrat untuk berundur, mengapa tidak Wan Hashim dan mereka yang sudah lama

berada
dalam Kafa.

Sukan adalah gelanggang yang menolak tepi segala bentuk prejudis dan prasangka.

Temasya seperti Sukan Olimpik, Sukan Komanwel dan bola sepak Piala Dunia adalah bukti bahawa manusia boleh bersatu atas nama semangat kesukanan.

Kita perlu berani berkorban sekalipun ia bermakna melepaskan pelbagai keselesaan. Wan Hashim mempunyai pilihan untuk melakukannya kalau beliau benar-benar ikhlas ingin melihat bola sepak Kelantan berubah ke tahap lebih meyakinkan.

PEMEGANG PAS SEMUSIM,
Kota Bharu, Kelantan.